

03 FEB 1999

Ibrahim-Saman

KERAJAAN AKAN SAMAN PIHAK YANG MEMFITNAH, KATA IBRAHIM

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Kerajaan mengeluarkan amaran hari ini bahawa mana-mana pihak yang didapati menyebarkan fitnah bertujuan memburuk-burukkan kepimpinan negara akan menghadapi tindakan undang-undang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali yang memberi amaran itu berkata sudah sampai masanya bagi kerajaan bertindak tegas dengan menyaman pihak-pihak seperti para pemimpin dan akhbar yang diterbitkan oleh pembangkang yang menyalahgunakan kebebasan bersuara dengan membuat fitnah.

"Kita sedang mengkaji laporan-laporan akhbar dan juga ucapan-ucapan ahli politik pembangkang yang tersebar secara meluas dalam bentuk kaset umpamanya. Sudah sampai masanya untuk kita bertindak supaya mereka bertanggungjawab ke atas tuduhan-tuduhan yang berunsur fitnah," katanya kepada Bernama di sini.

Menurutnya, beliau sendiri sudah mula membeli kaset-kaset yang mengandungi ceramah-ceramah pembangkang untuk mengkaji sama ada tuduhan-tuduhan yang dilemparkan terhadap kepimpinan negara berunsur fitnah yang spesifik.

Ibrahim bagaimanapun berkata bahawa kerajaan tidak berniat untuk menyekat kebebasan bersuara yang sedia ada tetapi hanya mahu memastikan kebebasan itu "ada harga dan nilainya".

"Kita harap rakyat tidak salah faham. Kerajaan hanya mahu menegakkan keluhuran undang-undang kerana tiada siapa yang berada di atas undang-undang, termasuk kerajaan. Saya beri amaran juga kepada akhbar-akhbar terutama akhbar-akhbar tabloid pihak pembangkang agar lebih berhati-hati daripada sekarang," katanya.

Ibrahim, yang bertanggungjawab ke atas portfolio undang-undang dengan pelantikannya sebagai timbalan menteri yang diumumkan pada 8 Jan lepas, berkata beliau sendiri akan mengambil inisiatif menyaman pihak-pihak yang menyebarkan fitnah terhadap kerajaan.

Ditanya jenis-jenis fitnah yang dimaksudkan, beliau berkata akhbar pembangkang banyak menyiarkan tuduhan bahawa Perdana Menteri membelanjakan wang kerajaan berjumlah RM200 juta untuk membina kediamannya yang baru atau berjuta-juta ringgit lagi untuk membeli pesawat jet eksekutif.

"Laporan-laporan ini menggambarkan seolah-olah kediaman itu adalah kediaman peribadi Perdana Menteri. Begitu juga jet...sedangkan ini semuanya harta milik kerajaan dan mereka gagal membuktikan harga kediaman dan jet itu seperti yang dituduh.

"Mereka boleh buat tuduhan spesifik seperti ini kerana kita bukan berniat menyekat kebebasan tetapi harus bersedia menghadapi risikonya," kata beliau.

Ibrahim juga membidas para peguam bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang bercakap mahu mengambil tindakan "menghina mahkamah" terhadap pemimpin-pemimpin kerajaan, termasuk perdana menteri, yang membincangkan isu Anwar yang kini menghadapi tuduhan rasuah menyalahgunakan kuasa berhubung tuduhan salahlaku seks.

Mahkamah Tinggi memerintah Anwar membela diri terhadap empat tuduhan itu mulai 8 Feb ini.

Ibrahim berkata dalam isu menghina mahkamah itu, beberapa orang peguam Anwar kerap membuat ulasan termasuk bercakap dengan wartawan mengenai perbicaraan kes di luar mahkamah, tetapi pada masa yang sama mengugut untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pemimpin kerajaan yang mengulas

kes yang sama.

"Kita sedang melihat isu menghina mahkamah yang dibangkitkan ini. Raja Aziz Addruse yang mengetuai pasukan peguam Anwar pernah mengadu di Mahkamah Tinggi mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membuat ulasan berhubung kes itu sedangkan mereka sendiri banyak bercakap dengan wartawan mengenai perkara yang sama.

"Dr Mahathir tak boleh cakap tetapi mereka boleh cakap. Jadi kita sedang meneliti perkara ini daripada segi undang-undang," katanya mengenai larangan Hakim Augustine Paul melarang sesiapa membuat komen berhubung aspek salah atau tidak salah Anwar terhadap tuduhan-tuduhan yang dihadapinya.

"Kerajaan sudah begitu lama berada di pihak defensif dan kini perlu mengambil posisi bertindak atau ofensif," katanya.

-- BERNAMA

AU AKD